

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 JULAI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sektor penjagaan kesihatan, kesejahteraan diri akan beri impak terhadap ekonomi Malaysia – Ewon Ebin	BERNAMA
2.	Persidangan, Pameran Bioekonomi ASEAN 17 – 19 Ogos	Utusan Malaysia
3.	Kit rumah perlindungan penyelesaian efektif wabak denggi – Naib Canselor UKM	BERNAMA
4.	RM180.76 juta jumlah dana, geran MTDC untuk diagih	Berita Harian
5.	Gempa bumi lemah 2.6 richter landa Ranau pagi ini	BERNAMA
6.	Gempa bumi kuat landa Timur Kepulauan Kuril	BERNAMA
7.	Pembenihan awan dilakukan jika kemarau berlarutan - Jabu	BERNAMA
8.	Cuaca kering dijangka sehingga Sept	BERNAMA



Sektor Penjagaan Kesihatan, Kesejahteraan Diri Akan Beri Impak Terhadap Ekonomi Malaysia - Ewon Ebin

PUTRAJAYA, 7 Julai (Bernama) -- Persidangan dan pameran BioMalaysia & ASEAN Bioekonomi 2015 akan memperkenalkan aspek perniagaan-kepada-pengguna, dengan memberi fokus kepada penjagaan kesihatan dan bioproduk kesejahteraan diri yang memberi impak besar terhadap ekonomi Malaysia dan rantau ASEAN.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata sektor itu mampu merentasi pelbagai industri serta berpotensi mentransformasi Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, inklusif dan lestari.

Katanya memandangkan pasaran kesejahteraan diri kini mencecah nilai US\$3.4 trilion, ia menggalakkan peluang perkongsian dalam kalangan peserta Malaysia, ASEAN dan global.

"Ini akan mendorong terbentuknya perkongsian bagi melonjakkan inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan tujuan menjadikan Malaysia kuasa gergasi bioekonomi pada masa akan datang," katanya pada sidang media di sini Selasa.

Malaysia akan menjadi tuan rumah persidangan dan pameran tiga hari itu, yang bertemakan 'ASEAN Bioeconomy: Biodiversity to Wellness' (Bioekonomi ASEAN: Biodiversiti Untuk Kesejahteraan Diri) bermula 17 Ogos, dan dijangka menarik lebih 10,000 pelawat perdagangan serta 250 pempamer termasuk sebuah pavilion antarabangsa daripada Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Ewon berkata Malaysia, sebagai pengerusi semasa ASEAN, juga akan mempamerkan teknologi, inovasi dan produk terkininya daripada 250 syarikat bioteknologi.

"Tahun ini, kita akan melihat lebih banyak perubahan menarik terhadap unsur-unsur persidangan ini dan satu daripada perubahan besar itu ialah kemunculan Bioekonomi ASEAN, yang pasti menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan bio serta memberi manfaat ekonomi kepada rantau ini," katanya.

Selain sektor penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri, persidangan itu juga akan memberi fokus terhadap bioekonomi di rantau ASEAN, yang boleh menjadi 'pengubah permainan' bagi menghadapi cabaran ekonomi di rantau itu.

"Acara ini akan menawarkan kepada Malaysia gerbang untuk memasuki bioekonomi ASEAN serta mewujudkan persekitaran lebih kukuh, holistik dan bersepadu bagi membolehkan bioekonomi berkembang maju di rantau ini," kata Ewon.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 8 JULAI 2015 (RABU)

**Persidangan,
Pameran
Bioekonomi
ASEAN
17-19 Ogos**

PUTRAJAYA 7 Julai - Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Bioekonomi ASEAN pada 17 hingga 19 Ogos ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, bertemakan Biodiversiti Untuk Kesihatan, persidangan itu menyasarkan sebanyak 10,000 pengunjung dengan kira-kira 250 pempamer dari negara-negara ASEAN.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka merasmikan persidangan yang akan berlangsung selama tiga hari itu.

“Persidangan Bioekonomi yang merupakan jalinan kerjasama dengan para peserta global berpotensi meletakkan Malaysia sebagai antara penggiat bioekonomi ternama, selain dapat memacu pertumbuhan dalam sektor inovasi.

“Persidangan tahun ini akan memperlihatkan perubahan dalam beberapa elemen Bio-Malaysia. Salah satunya kemasukan bioekonomi iaitu sektor yang menjadi sasaran untuk menggalakkan pendapatan negara dan rantau ini,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ewon berkata, sebagai negara pertama di Asia Tenggara dan kedua di Asia yang melibatkan diri dalam sektor bioekonomi, pelbagai faedah sosioekonomi diperoleh negara terutama dalam aspek pembangunan.

Beliau berkata, persidangan kali ini memberi banyak kelebihan kepada negara memandangkan industri Biotechcorp akan menyambut ulang tahun yang ke-10 dan Malaysia pula merupakan Pengerusi ASEAN 2015.

Menurutnya, penglibatan negara anggota ASEAN termasuklah Brunei, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam dalam persidangan itu amat dinanti-nantikan.



Kit Rumah Perlindungan Penyelesaian Efektif Wabak Denggi - Naib Canselor UKM

BANGI, 7 Julai (Bernama) -- Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi berupaya menjadi penyelesaian efektif kepada pengawalan denggi sekali gus menghapuskan wabak denggi di seluruh negara, kata Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Kit tersebut adalah hasil penyelidikan [Inno Biologics Sdn Bhd](#) dan Entogenex Industries Sdn Bhd mengandungi biolarvicide MOUSTICIDE yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes itu, direka khas untuk membunuh sistem pembiakan nyamuk, katanya.

"Kit ini telah terbukti berkesan membunuh nyamuk di negara seperti Filipina, Thailand dan Vietnam dalam tempoh satu hingga dua bulan," katanya selepas menandatangani perjanjian kerjasama tiga hala UKM, Inno Biologics dan Entogenex merangkumi inovasi, penyelidikan dan pembangunan perusahaan di sini hari ini.

Perjanjian itu berasaskan konsep 'Triple Helix' iaitu kolaborasi antara pihak akademik-industri-kerajaan disaksikan oleh Pengarah Eksekutif EntoGenex Industries dan Pro Canselor UKM, Tun-ku Naquiddin Tuanku Ja'afar.

Inno Biologics dan Entogenex bersama [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) sedang menjalankan projek perintis Komuniti Bebas Denggi (KBD) di beberapa kawasan yang berisiko tinggi melibatkan Selangor, Kuala Lumpur dan Johor bermula bulan ini.

Noor Azlan berkata kempen KBD merupakan program impak sosial untuk kawalan denggi yang ditubuhkan dengan gabungan inovasi bioteknologi dengan penglibatan masyarakat yang berkesan.

Sebagai permulaan, katanya, sebanyak 110,000 kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi akan diedarkan secara percuma kepada orang ramai di tiga negeri itu, dengan sasaran dapat mengurangkan kes denggi dalam masa setahun.

Noor Azlan berkata UKM akan menubuhkan Makmal Penyelidikan untuk menjadi sumber pengetahuan untuk denggi serta teknologi pengawalan denggi dalam masa terdekat.

-- BERNAMA

